

**Roa'ani bt. Mohamed**[cikguroaaini@gmail.com](mailto:cikguroaaini@gmail.com)**Nor Rul Azlifah bt. Zulkafali**[norrulazlifah@ipgkbn.edu.my](mailto:norrulazlifah@ipgkbn.edu.my)**ABSTRAK**

Kajian ini dijalankan di sebuah sekolah di daerah Kuantan untuk melihat keberkesanan Pedagogi Pembelajaran Terbeza (PPT) dalam PdPc kelas peralihan. Sampel yang diambil ialah seorang guru dan 11 orang murid kelas peralihan yang terlibat. Kajian telah dilakukan dalam bentuk kajian tindakan merangkumi beberapa langkah iaitu Ujian Pra, intervensi berbentuk bimbingan dan ujian pos selepas bimbingan dilaksanakan. Kaedah kuantitatif dan kualitatif digunakan untuk mendapatkan data adalah melalui soal selidik kepada guru dan temu bual berstruktur dengan murid untuk melihat keberkesanan pelaksanaan PPT dalam PdPc Kelas Peralihan. Setelah melaksanakan intervensi, pengkaji membuat pencerapan dan elemen dalam SKPMg2 Standard 4 telah digunakan sebagai sumber data. Dapatan kajian ini jelas menunjukkan bahawa pengaplikasian PPT telah memberi kefahaman yang lebih baik tentang PPT kepada guru, melaksanakan PPT dengan baik dan memahami keperluan PPT dalam PdPc di sekolah terutamanya kelas Peralihan. Selain itu pelaksanaan PPT juga membuka minda guru, memberi motivasi serta memulihkan semangat guru untuk terus mengajarkan kelas Peralihan setelah mereka jelas dengan PPT. Hasil pemerhatian terhadap murid-murid pula menunjukkan bahawa mereka sangat positif dan aktif untuk belajar ABM kerana mereka dapat meningkatkan penguasaan Bahasa Kebangsaan khususnya dalam komunikasi. Cadangan kajian selanjutnya boleh dilaksanakan terhadap pelaksanaan PPT kepada murid yang berbeza pencapaian seperti murid yang mempunyai ciri keciciran.

**Kata kunci:** Sekolah Jenis Kebangsaan Cina (SJKC), Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil (SJKT), Pedagogi Pembelajaran Terbeza (PPT), Amalan Bahasa Malaysia

## **PENGENALAN**

Menurut Khairul Yusri (2007), perbezaan individu bermaksud variasi atau ketidaksamaan individu daripada norma kumpulannya sama ada dari segi sifat kognitif, emosi, fizikal, moral, tingkah laku, sosial atau bakat dan aspek-aspek yang lain mungkin terdapat sesama individu dalam sesuatu kumpulan. Bagi Zamri, Ruslin dan Mohamed Amin (2015) pula berpandangan guru perlu mengambil kira perbezaan yang ada dalam kalangan pelajar dalam proses pengajaran. Murid tidak akan tercicir jika guru sentiasa mengambil berat tentang perbezaan dalam kalangan muridnya. Antaranya, sebagai usaha memberi peluang kepada kepelbagaian murid di sekolah, dalam sistem pendidikan negara kelas Peralihan telah diwujudkan untuk membantu murid meningkatkan penguasaan Bahasa Melayu. Kelas Peralihan di Malaysia diasaskan bagi membantu para pelajar bukan dalam kalangan yang berbangsa Melayu untuk menguasai Bahasa Kebangsaan. Murid kelas peralihan datang dari sekolah vernakular aliran bahasa Cina dan bahasa Tamil. Murid dimasukkan ke dalam kelas Peralihan di Sekolah Menengah kerana tahap kebolehan bercakap dalam Bahasa Kebangsaan mereka lemah dan ada antara mereka tidak boleh langsung berbahasa Kebangsaan. Kebanyakan mereka berasal dari SJKC / SJKT. Justeru, kepelbagaian latar belakang dan keperluan murid sangat penting diberikan keutamaan dalam perancangan PdPc berkesan. Dalam hal ini, Pendekatan Pedagogi Terbeza (PPT) di kelas peralihan dilihat sebagai satu keperluan untuk menangani fenomena tersebut.

Pendekatan Pedagogi terbeza diperkenalkan dan merupakan proses menyesuaikan pengajaran untuk memenuhi keperluan murid yang berbeza-beza iaitu, memerlukan guru menyesuaikan kurikulum dan penerangan isi kandungan pelajaran kepada murid bukannya murid menyesuaikan diri dengan kurikulum. Memahami bagaimana keadaan pembelajaran murid dapat mempengaruhi profil pembelajaran mereka adalah kemahiran yang sangat berguna dalam pengajaran. Hal ini membekalkan guru dengan maklumat yang diperlukan untuk membezakan kaedah mengajar mereka di dalam kelas, dan membolehkan semua murid mereka belajar dengan cara yang paling berkesan. (*resourced.prometheanworld.com/differentiation-classroom-engaging-different-learners/*).



Untuk pelaksanaan pendekatan Pedagogi terbeza dalam PdPc, para guru seharusnya menguasai terlebih dahulu konsep serta strategi yang wajar diambil kira semasa merancang dan melaksanakan PdPc tersebut iaitu Pembezaan Kandungan, Pembezaan Proses dan Pembezaan Produk. Standard 4 SKPMg2 pula merupakan satu dokumen yang menjadi panduan kepada kalangan guru dalam pelaksanaan PdPc yang berkesan. Guru berperanan sebagai pemudah cara dalam pembelajaran dan pengajaran (PdP) yang berkesan untuk memperkembangkan potensi murid secara menyeluruh dan pencapaian murid pada tahap optimum secara berterusan. Kertas ini akan memerikan perkara tersebut sebagai perkongsian amalan terbaik kepada kalangan guru dalam pelaksanaan PdPc berkesan.

### **Penyataan Masalah/Isu**

Untuk mengendalikan PdPc yang berkesan di kelas peralihan bukanlah satu perkara yang mudah bagi kalangan guru yang ditugaskan untuk mengajarkan subjek Bahasa Melayu (BM) di kelas peralihan. Hal ini kerana setiap pelajar mempunyai tahap penguasaan yang berbeza untuk menguasai objektif yang ditetapkan. Berdasarkan tinjauan awal pengkaji mendapati kebanyakan guru yang mengajarkan subjek BM di kelas Peralihan memerlukan perancangan pdp yang lebih berkesan lebih-lebih lagi jika guru tersebut bukan guru opsyen bahasa Melayu. Hal ini menyebabkan mereka menghadapi kesukaran untuk mencari pendekatan dan pedagogi yang sesuai untuk merancang dan menghasilkan PdPc yang berkesan di bilik darjah kelas peralihan.

### **Tujuan**

Kajian yang telah dilakukan ini bertujuan untuk mengetahui kefahaman guru-guru tentang Pendekatan Pedagogi Terbeza dalam PdPc Bahasa Melayu di kelas Peralihan dan sejauhmana Pendekatan Pedagogi Terbeza dapat membantu guru-guru kelas Peralihan merancang PdPc yang berkesan.

### **Objektif Kajian**

1. mengetahui sejauh mana kefahaman guru-guru kelas peralihan tentang pendekatan Pedagogi Terbeza
2. mengenal pasti sejauh mana pendekatan Pedagogi Terbeza dapat membantu skor guru kelas peralihan dalam SKPMg2 Standard 4
3. mengenal pasti keberkesanan pendekatan Pedagogi Terbeza dalam PdPc Bahasa Melayu kelas Peralihan

### **Soalan kajian**

1. Sejauh mana guru-guru kelas peralihan faham tentang pendekatan Pedagogi Terbeza?
2. Sejauh mana pendekatan Pedagogi Terbeza dapat membantu guru dalam SKPMG2 Standard 4 PdPc Kelas Peralihan?
3. Sejauh mana keberkesanan pendekatan Pedagogi Terbeza dalam PdPc Bahasa Melayu Kelas Peralihan?

### **Kepentingan Kajian**

Kajian ini penting sebagai salah satu usaha untuk semua pihak sentiasa memperbaiki amalan Pdpc guru-guru. Guru yang sentiasa diberikan input terkini dan mereka amalkan akan memberi impak positif kepada murid dan memastikan sistem pendidikan di negara ini sentiasa bersifat dinamik menuju kepada yang terbaik.

Di samping keutamaan kepada murid, kajian ini juga memberi ruang kepada guru agar sentiasa mempelbagaikan kaedah dan bahan pengajaran agar sentiasa dapat menarik minat murid untuk terlibat secara aktif ketika sesi pengajaran dan pembelajaran. Kepelbagaian kaedah dan bahan atau lebih tepat lagi penggunaan pedagogi berbeza sangat dituntut agar menjadi satu amalan apabila berdepan dengan kepelbagaian murid yang ada di dalam kelas



Pembezaan pengajaran di dalam kelas adalah kemahiran yang penting untuk guru untuk memberi murid peluang terbaik untuk belajar, tanpa mengira kemampuan, kelebihan dan kelemahan murid. Penglibatan murid adalah kunci untuk memupuk motivasi dan keyakinan murid di dalam bilik darjah.

Pengajaran melalui arahan dan pendekatan yang berbeza membolehkan semua pelajar mengakses kurikulum bilik darjah yang sama dengan menyediakan bahan bantu, tugas pembelajaran, dan hasil yang disesuaikan dengan keperluan pembelajaran pelajar (Hall, Strangman, & Meyer, 2003). Arahan yang dibezakan bukanlah satu strategi, melainkan pendekatan kepada pengajaran yang menggabungkan pelbagai strategi. Dengan kata lain, pengajaran yang berbeza adalah arahan responsif yang direka untuk memenuhi keperluan pelajar individu yang unik. Seperti yang dinyatakan Tomlinson (2001), pengajaran membezakan boleh berlaku dengan memberi tumpuan kepada proses yang pelajar belajar, produk atau demonstrasi pembelajaran mereka, persekitaran di mana mereka belajar, atau kandungan yang mereka sedang belajar.

Kajian oleh Diana Lawrence-Brown (2004) membuktikan jika murid yang berbeza tahap kemahiran diberi arahan yang berbeza mengikut tahap mereka, murid tersebut akan mampu belajar seperti murid lain dalam arus perdana. Guru menetapkan objektif pembelajaran secara berbeza mengikut tahap murid yang berbeza. Kejayaan murid yang berbagai tahap ini akan dapat mencapai objektif yang telah ditentukan untuk mereka mengikut kesesuaian. Justeru, tindakan ini pasti akan mengurangkan atau mentaikan langsung keciciran dalam kalangan murid.

Dalam satu kajian lain iaitu Jeffrey Ober (2006) mendapati ramai guru hari ini menggunakan jenis arahan berbeza kerana mereka telah diberitahu bahawa pendekatan ini berfungsi. Walau bagaimanapun, penyelidikan eksperimen semasa yang banyak dilakukan tidak dapat menyokong sebarang tuntutan arahan dibezakan dengan berkesan. Pendekatan berbeza (terbeza) memerlukan banyak masa untuk pengajar bagi menyesuaikan dan mencipta kandungan tambahan. Disebabkan kekurangan keberkesanan pendekatan terbeza ini, guru menghabiskan masa mereka dengan menggunakan kaedah pengajaran lain yang lebih berkesan dan kurang memakan masa.



Menurut Najiba Abdullah Meyad, Samsilah Roslan, Maria Chong Abdullah dan Pabiyah Maming (2014) telah mengkaji kesan Kaedah Pembelajaran Berbeza (DLM) terhadap motivasi pelajar terhadap mempelajari bahasa Arab (AL) sebagai bahasa asing di Malaysia. Keputusan kajian menunjukkan terdapat perbezaan yang signifikan dalam ujian pasca antara kumpulan eksperimen ( $M = 155.740$ ,  $SD = 12.666$ ) dan kumpulan kawalan ( $M = 145.280$ ,  $SD = 14.405$ );  $t(3.856)$ ;  $p < .05$ ). Kumpulan eksperimen pada umumnya lebih bermotivasi daripada kumpulan kawalan yang membuktikan bahawa DLM merupakan pendekatan yang berkesan dalam meningkatkan motivasi pelajar ke arah mengkaji Bahasa Arab sebagai bahasa asing di Malaysia. Justeru, pelaksanaan pengajaran terbeza ini sememangnya terbukti perlu dilaksanakan untuk meningkatkan keseronokan murid belajar di dalam bilik darjah.

Murid cenderung memahami sedikit dan kehilangan tumpuan pengajaran dalam kelas apabila guru mereka gagal menggunakan strategi pengajaran yang sesuai dengan gaya pembelajaran pelajar. Pengajaran yang berbeza dapat mengurangkan atau menghapuskan pengurangan ini. Satu kajian kes yang melibatkan seorang kanak-kanak yang mengalami kesukaran belajar dan menunjukkan bagaimana pengajaran berbeza digunakan untuk membantu pelajar ini belajar. Pengkajian berjaya menggambarkan teori-teori tentang arahan yang dibezakan dan menyediakan strategi praktikal yang boleh digunakan guru untuk melaksanakan kaedah pengajaran ini. Berjaya membantu murid tersebut (Morgan, H, 2013).


Berdasarkan kajian-kajian yang telah dilakukan oleh pengkaji terdahulu, membuktikan bahawa kecemerlangan murid sangat bergantung kepada pendekatan yang digunakan oleh guru terutama dalaman murid yang berbeza pelbagai aspek. Justeru, guru perlulah kreatif mencipta pengajaran yang berbeza mengikut tahap dan kecenderungan murid di dalam kelas.

## **METODOLOGI**

### **Reka Bentuk Kajian**

Pengkaji telah menggunakan kaedah penyelidikan tindakan menggunakan model kajian tindakan Model Lewin (1946) dan Laidlaw (1992). Berdasarkan Model Lewin (1946) dan

Laidlaw (1992), terdapat 5 langkah yang perlu dipatuhi oleh setiap pengkaji untuk menjalankan sesuatu kajian. Sebelum kajian dijalankan, pengkaji perlu mengenalpasti isu dan masalah yang dihadapi. Isu dan masalah ini diperoleh daripada instrumen kajian yang digunakan iaitu melalui kaedah pemerhatian, analisis dokumen, dan ujian pra yang dilaksanakan sebelum kajian dijalankan. Dalam kajian ini, pengkaji menggunakan data ujian pra dan ujian pasca sebagai mengesan isu. Hasilnya, pengkaji telah memilih seorang guru sebagai subjek kajian.



Carta 1 Model Lewin (1946) dan Laidlaw (1992).

Hasil pemilihan seorang sampel kajian pengkaji telah melakukan pencerapan SKPMg2 Standard 4 terhadap peserta kajian untuk mendapatkan data awal yang diperoleh oleh peserta kajian. Langkah kedua guru diperkenalkan dan dibimbing oleh pengkaji untuk merancang dan melaksanakan PPT dalam PdPc. Selepas tempoh satu bulan pelaksanaan PPT oleh sampel, pencerapan PdPc menggunakan SKPMg2 Standard 4 dan temu bual dengan murid telah dijalankan bagi mendapatkan keputusan untuk menilai pengajaran sampel kajian yang mengaplikasikan PPT dalam PdPc Kelas Peralihan.

Akhir sekali, data-data yang telah dianalisis akan disemak untuk memastikan kredibilitinya. Oleh itu, data-data yang diperoleh perlu disemak untuk menentukan sejauh manakah data tersebut boleh dipercayai menggunakan kaedah triangulasi. Penyemakan data merupakan sebahagian daripada penyelidikan tindakan yang sangat penting bagi meningkatkan kredibiliti data kualitatif yang dikumpul serta menggambarkan situasi yang dikaji. Isu kebolehpercayaan dan kesahan dapat ditangani dengan adanya proses triangulasi ini.

Menurut Merriem (dalam Taylor & Wallace, 2007), triangulasi merupakan salah satu kaedah yang boleh meningkatkan kebolehpercayaan sesuatu penyelidikan kualitatif. Triangulasi bukan hanya meningkatkan kebolehpercayaan sesuatu penyelidikan kualitatif malah triangulasi turut mengukuhkan kesahan data kuantitatif dalam penyelidikan tindakan yang menggabungkan kaedah kualitatif dan kaedah kuantitatif. Terdapat beberapa jenis triangulasi yang akan digunakan iaitu triangulasi data dan triangulasi method.

Triangulasi data melibatkan penggunaan pelbagai sumber data atau maklumat yang berbeza. Manakala triangulasi yang kedua iaitu triangulasi kaedah yang melibatkan penggunaan pelbagai kaedah kualitatif dan kuantitatif dalam satu-satu kajian. Sekiranya kesimpulan bagi setiap yang digunakan adalah sama, maka kesahan dapat diwujudkan. Triangulasi kaedah membolehkan pengkaji mengesahkan data yang diperoleh daripada pelbagai kaedah yang berbeza dalam pengumpulan data penyelidikan tindakan saya. Soalan kajian digunakan sebagai garis panduan untuk membanding beza antara data yang saya kumpul. Pengkaji juga membandingkan sumber data yang boleh menjawab soalan kajian. Pengkaji telah menyediakan borang matriks sebagai instrumen dalam triangulasi kaedah.

### **Subjek Kajian**

Bagi kajian yang telah dilaksanakan, pengkaji telah memilih sejumlah 12 orang subjek kajian yang terdiri daripada seorang guru dan 11 orang murid Peralihan dalam kajian tindakan ini. Guru yang menjadi peserta kajian ialah guru yang mengajar mata pelajaran Bahasa Melayu dan 11 orang murid bukan berbangsa Melayu. Pemilihan seorang guru sebagai peserta kajian dibuat berdasarkan keputusan analisis ujian pra dan ujian post yang



dilaksanakan dalam satu bengkel PPT oleh pengkaji. Sepuluh orang lagi peserta kajian ini merupakan murid yang belajar di dalam kelas peralihan selama setahun yang diajar oleh guru tersebut.

### **Teknik Pengumpulan Data**

Terdapat tiga kaedah yang digunakan iaitu ujian iaitu ujian awal dan ujian pasca menggunakan soal selidik untuk menentukan tahap pemahaman guru-guru yang terlibat dalam bengkel, penelitian dokumen iaitu dokumen SKPMg2 dan pemerhatian.

Pengkaji telah mengadakan bengkel Pendekatan Pedagogi Terbeza (PPT) kepada 14 orang guru kelas peralihan. Kaedah yang pertama ialah ujian pra dan ujian pasca telah digunakan kepada 14 peserta kajian untuk mengesan perubahan pengetahuan dan tahap penerimaan guru terhadap PPT. Daripada keputusan itu pengkaji memilih seorang guru untuk dijadikan peserta kajian dalam kajian tindakan ini. Pengkaji telah menggunakan kaedah analisis dokumen iaitu membandingkan data SKPMg2 Standard 4 sebelum dan selepas tindakan intervensi iaitu bimbingan yang dilakukan kepada guru. Kajian ini berupaya menilai sejauh mana lonjakan dan peningkatan yang diperoleh oleh peserta kajian dengan menggunakan amalan pdpc Pedagogi Terbeza.

Kaedah ketiga pula ialah proses pemerhatian dalam pengajaran dan pembelajaran guru di dalam bilik darjah terhadap murid-murid yang diajar oleh guru tersebut. Tujuan pemerhatian ialah untuk membandingkan situasi murid terhadap perbezaan pelaksanaan pdpc guru sebelum dan selepas penggunaan Pedagogi Terbeza.

### **Prosedur Pengumpulan Data**

Langkah yang ketiga di dalam model penyelidikan tindakan Lewin (1946) dan Laidlaw (1992) ialah melaksanakan tindakan iaitu proses melaksanakan proses intervensi iaitu bimbingan kepada guru untuk pelaksanaan PPT seterusnya dilakukan prosedur pengumpulan data. Dalam melaksanakan tindakan bagi mengatasi isu, pengkaji perlu melaksanakan aktiviti-aktiviti intervensi dengan memberi bimbingan mengikut ketetapan rancangan tindakan dan dalam kajian ini pengkaji telah melaksanakan 3 kali intervensi.

## DAPATAN KAJIAN

Dapatan kajian menunjukkan bahawa pengaplikasian PPT jelas telah membuka minda guru, memberi motivasi serta memulihkan semangat guru untuk terus mengajarkan kelas peralihan dengan lebih bersemangat setelah mereka jelas dengan PPT dalam PdPc.

*Objektif 1 mengetahui sejauh mana kefahaman guru-guru kelas peralihan tentang pendekatan Pedagogi Terbeza*

### Pemahaman Konsep Pengajaran Pedagogi Terbeza (PPT)

Data ujian Pra dan Ujian pasca dapat membezakan pencapaian guru dalam proses pemahaman, kesedaran dan pelaksanaan PPT di dalam bilik darjah. Data ini memenuhi keperluan objektif 1 iaitu sejauhmanakah kefahaman guru-guru kelas Peralihan tentang PPT.

Sebelum bengkel dilaksanakan kepada guru peringkat pemahaman guru terhadap PPT adalah lebih rendah iaitu pada skala tahap penguasaan 0 hingga 2 sahaja. Hal ini membuktikan guru-guru kurang memahami konsep PPT dan tidak mengaplikasikannya di dalam kelas.

Jadual 1 : Menunjukkan Skor Tahap Penguasaan Pemahaman Konsep Pengajaran Pedagogi Terbeza

| Bi | Soalan                                                                          | Ujian pra        |   |   |   |   |   | Ujian pasca      |   |   |   |   |   |
|----|---------------------------------------------------------------------------------|------------------|---|---|---|---|---|------------------|---|---|---|---|---|
|    |                                                                                 | Tahap Penguasaan |   |   |   |   |   | Tahap Penguasaan |   |   |   |   |   |
|    |                                                                                 | 0                | 1 | 2 | 3 | 4 | 5 | 0                | 1 | 2 | 3 | 4 | 5 |
| 1  | Saya bersedia dan menguasai kemahiran pedagogi untuk mengajar Kelas Peralihan . | 14               |   |   |   |   |   | 14               |   |   |   |   |   |
| 2  | Saya memahami dengan jelas konsep Kelas Peralihan.                              | 14               |   |   |   |   |   | 14               |   |   |   |   |   |
| 3  | Saya mengetahui konsep Pedagogi dalam pengajaran BM                             | 14               |   |   |   |   |   | 12 2             |   |   |   |   |   |
|    |                                                                                 |                  |   |   |   |   |   | 12 2             |   |   |   |   |   |
|    |                                                                                 |                  |   |   |   |   |   | 10 4             |   |   |   |   |   |
|    |                                                                                 |                  |   |   |   |   |   | 6 8              |   |   |   |   |   |

*Sumber: Lapangan, 2019*

Pengetahuan dan kefahaman guru berkaitan PPT meningkat setelah menghadiri bengkel yang dilaksanakan oleh pengkaji. Peringkat awal pengetahuan dan pemahaman hanya berada pada tahap penguasaan 0 hingga 2 sahaja iaitu pada tahap yang dianggap sangat lemah dan lemah. Selepas bengkel kebanyakan tahap penguasaan konsep kepentingan PPT berada pada tahap 3 dan 4 iaitu pada tahap sederhana dan baik. Hal ini membuktikan guru semakin

|    |                                                                                    |    |   |
|----|------------------------------------------------------------------------------------|----|---|
| 4  | Saya dapat menjelaskan konsep Pedagogi Terbeza penting dalam pembelajaran BM.      | 13 | 1 |
| 5  | Saya dapat mengetahui mengapa ilmu Pedagogi Terbeza penting dalam pembelajaran BM. | 13 | 1 |
| 16 | Saya memahami konsep Pedagogi Terbeza bagi kelas peralihan.                        | 14 |   |

in faham apabila telah diberikan pendedahan tentang PPT.

### Pengetahuan Ciri-ciri Pengajaran Pedagogi Terbeza

Salah satu keupayaan guru melaksanakan PPT ialah mereka memahami ciri-ciri PPT dan bagaimana perlunya PPT dalam pengajaran dan pembelajaran di dalam kelas.

Jadual 2 : Menunjukkan Skor Tahap Penguasaan Pengetahuan Ciri-ciri Pengajaran Pedagogi Terbeza

| Bi<br>1 | Soalan                                                                                                                 | Ujian pra<br>Tahap Penguasaan |    |   |   |   | Ujian pasca<br>Tahap Penguasaan |   |   |   |   |    |   |
|---------|------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|-------------------------------|----|---|---|---|---------------------------------|---|---|---|---|----|---|
|         |                                                                                                                        | 0                             | 1  | 2 | 3 | 4 | 5                               | 0 | 1 | 2 | 3 | 4  | 5 |
| 1<br>5  | Saya mengetahui masalah pengajaran dan pembelajaran di kelas peralihan.                                                | 12                            | 2  |   |   |   |                                 |   |   |   |   | 10 | 4 |
| 8       | Saya dapat menghuraikan kriteria-kriteria Pengajaran Terbeza BM.                                                       | 14                            |    |   |   |   |                                 |   |   |   | 6 | 6  | 2 |
| 1<br>1  | Saya mengetahui aspek-aspek yang harus dibezakan / dipelbagaikan dalam Pengajaran Terbeza BM.                          | 14                            |    |   |   |   |                                 |   |   |   | 2 | 10 | 2 |
| 6       | Saya mengetahui bahawa langkah pembentukan kumpulan mengikut kriteria tertentu adalah penting dalam Pengajaran Terbeza | 2                             | 10 | 2 |   |   |                                 |   |   |   | 2 | 10 | 2 |
| 1       | Saya mengetahui teknik dan strategi membentuk kumpulan dalam                                                           | 14                            |    |   |   |   |                                 |   |   |   |   | 10 | 4 |

|   |                                                                                                                                |    |   |   |   |
|---|--------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|----|---|---|---|
| 7 | Saya mengetahui guru boleh membezakan pengajaran melalui kandungan, proses, dan produk pembelajaran dalam Pengajaran Terbeza . | 12 | 2 | 8 | 6 |
|---|--------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|----|---|---|---|

*Sumber: Lapangan, 2019*

Berdasarkan jadual 2 sebelum pelaksanaan bengkel, guru-guru meletakkan tahap penguasaan kepada ciri-ciri PPT pada tahap 0 hingga 3 iaitu tahap sangat lemah, lemah, dan sederhana. Namun selepas menjalani bengkel peserta kajian berupaya meningkatkan penguasaan tentang ciri-ciri PPT kepada lebih tinggi iaitu antara tahap 3 hingga tahap 5 iaitu tahap sederhana hingga tahap sangat baik. Data ini menunjukkan perubahan yang jelas ke arah yang lebih positif dan sebagai petunjuk agar lebih ramai guru-guru diberi kesedaran bahawa perlunya pdp berdasarkan latar belakang murid dilaksanakan di dalam bilik darjah.

### **Penguasaan Pelaksanaan Pengajaran dan Pembelajaran**

Dalam soalan ujian pra dan pasca juga pengkaji mengesan kesediaan guru-guru untuk melaksanakan PPT di dalam kelas peralihan. Berdasarkan Jadual 2, membuktikan kesediaan guru untuk melaksanakan PPT selepas menghadiri bengkel yang dilaksanakan oleh pengkaji.

Jadual 3: Menunjukkan Skor Tahap Penguasaan Pelaksanaan Pengajaran dan Pembelajaran Pengajaran Pedagogi Terbeza

| Bi<br>1 | Soalan                                                                                                                                   | Ujian pra<br>Tahap Penguasaan |   |   |   |   |   | Ujian pasca<br>Tahap Penguasaan |   |   |   |   |   |   |
|---------|------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|-------------------------------|---|---|---|---|---|---------------------------------|---|---|---|---|---|---|
|         |                                                                                                                                          | 0                             | 1 | 2 | 3 | 4 | 5 | 0                               | 1 | 2 | 3 | 4 | 5 |   |
|         |                                                                                                                                          |                               |   |   |   |   |   |                                 |   |   |   |   |   |   |
| 1       | Saya dapat merancang suatu<br>pengajaran terbeza BM untuk<br>Kelas Peralihan.                                                            | 1                             |   |   |   |   |   |                                 |   |   | 3 | 1 | 1 |   |
| 2       |                                                                                                                                          | 4                             |   |   |   |   |   |                                 |   |   |   | 2 |   |   |
| 1       | Saya mengetahui cara menulis<br>Rancangan Pengajaran Harian<br>untuk kelas peralihan.                                                    |                               | 1 | 4 |   |   |   |                                 |   |   |   |   | 1 | 4 |
| 9       |                                                                                                                                          |                               | 0 |   |   |   |   |                                 |   |   |   |   | 0 |   |
| 9       | Saya dapat menentukan teknik<br>dan strategi Pengajaran Terbeza<br>yang berkesan untuk<br>mengajarkan kemahiran-<br>kemahiran bahasa dan | 1                             |   |   |   |   |   |                                 |   |   | 6 | 8 |   |   |
|         |                                                                                                                                          | 4                             |   |   |   |   |   |                                 |   |   |   |   |   |   |

tatabahasa BM.

|   |                                |   |   |   |  |   |   |   |
|---|--------------------------------|---|---|---|--|---|---|---|
| 1 | Saya dapat melaksanakan        | 1 |   |   |  | 4 | 8 | 2 |
| 3 | pengajaran bagi pembelajaran   | 4 |   |   |  |   |   |   |
|   | terbeza BM di Kelas Peralihan. |   |   |   |  |   |   |   |
| 2 | Saya sangat yakin mengajarkan  | 2 | 8 | 4 |  |   |   |   |
| 0 | BM di kelas Peralihan          |   |   |   |  | 3 | 1 |   |
|   |                                |   |   |   |  |   |   | 0 |
| 1 | Saya dapat mengatasi           | 1 |   |   |  |   |   |   |
| 7 | kelemahan pengajaran dan       | 4 |   |   |  | 1 | 6 | 7 |
|   | pembelajaran dalam kelas       |   |   |   |  |   |   |   |
|   | peralihan.                     |   |   |   |  |   |   |   |

Sumber: Lapangan, 2019

Sebelum bengkel dilaksanakan, dapatan data awal jelas menunjukkan guru-guru yang menjawab ujian pra, tidak yakin dengan kemampuan mereka untuk melaksanakan PPT di dalam bilik darjah. Hal ini terbukti dengan tahap penguasaan mereka kebanyakan adalah 0 kepada soalan-soslan tertentu seperti menentukan kriteria, memilih strategi dan kaedah dan teknik yang sesuai dan kebolehan merancang pengajaran dan pembelajaran. Data ini menunjukkan bahawa guru-guru masih belum yakin dengan pelaksanaan PPT dalam kelas peralihan. Namun begitu selepas menghadiri bengkel, data yang diperoleh telah berubah kepada tahap yang lebih baik sekitar 3 hingga 5 iaitu tahap sederhana sehingga tahap sangat baik.

### Tahap Keupayaan Menyebarkan Kemahiran PPT

Bagi melaksanakan PPT ke seluruh sekolah khususnya kelas Peralihan, keupayaan guru yang telah menerima pendedahan kepada PPT sangat diperlukan. Pengkaji ingin memastikan juga bahawa hasil bengkel apat disebar kepada warga guru yang lain juga.

Jadual 4 : Menunjukkan Skor Tahap Keupayaan Menyebarkan Kemahiran PPT

| Bi<br>l | Soalan                                                                                                                              | Ujian pra<br>Tahap Penguasaan |   |   |   |   |   | Ujian pasca<br>Tahap Penguasaan |   |   |   |   |   |
|---------|-------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|-------------------------------|---|---|---|---|---|---------------------------------|---|---|---|---|---|
|         |                                                                                                                                     | 0                             | 1 | 2 | 3 | 4 | 5 | 0                               | 1 | 2 | 3 | 4 | 5 |
| 1<br>4  | Saya dapat membimbing rakan / guru-guru untuk merancang, mereka bentuk, melaksana, mengurus dan menilai pengajaran terbeza BM Kelas | 1<br>4                        |   |   |   |   |   |                                 |   |   | 6 | 7 | 1 |

|        |                                                                                                |        |  |  |  |  |  |  |  |  |  |   |   |   |
|--------|------------------------------------------------------------------------------------------------|--------|--|--|--|--|--|--|--|--|--|---|---|---|
|        | Peralihan.                                                                                     |        |  |  |  |  |  |  |  |  |  |   |   |   |
| 1<br>8 | Saya mampu menguasai dan dapat menyampaikan ilmu Pedagogi Terbeza kepada rakan guru yang lain. | 1<br>4 |  |  |  |  |  |  |  |  |  | 3 | 8 | 1 |

Sumber: Lapangan, 2019

Berdasarkan data menunjukkan tahap penguasaan guru terhadap keupayaan peranannya sebagai pembimbing dan penyampai ilmu sangatlah rendah iaitu pada tahap 0. Selepas menghadiri bengkel, guru-guru sudah mula menunjukkan perkembangan yang positif apabila tahap penguasaan berubah kepada sederhana hingga kepada sangat baik iaitu 3 hingga 5.

*Objektif 2 : mengenalpasti sejauh mana Pendekatan Pedagogi Terbeza (PPT) dapat membantu skor guru kelas peralihan dalam SKPMg2 Standard 4*

### Skor SKPMg2

Objektif 2 pengkaji telah mengenalpasti sejauh mana PPT dapat membantu skor guru kelas Peralihan dalam SKPMg2 guru yang menjadi peserta kajian. Seorang guru telah menjadi peserta kajian

Jadual 5 : Menunjukkan Perbandingan SKPMg2 Pra dan Pasca Intervensi (bimbingan)

| Bil | Standard Kualiti                                                    | Skor Pra | Skor Pasca | Perbezaan Skor |
|-----|---------------------------------------------------------------------|----------|------------|----------------|
| 1.  | Guru merancang pelaksanaan Pdpc secara professional dan sistematik  | 62.50    | 87.44      | +24.94         |
| 2.  | Guru mengawal proses pembelajaran secara professional dan terancang | 56.31    | 93.81      | +37.50         |
| 3.  | Guru sebagai pembimbing secara professional dan terancang           | 67.19    | 81.25      | +14.06         |
| 4.  | Guru sebagai pendorong murid secara professional dan terancang      | 70.00    | 88.75      | +18.75         |
| 5.  | Guru melaksanakan penilaian                                         | 49.19    | 83.88      | +34.69         |

|    |                                                              |       |       |        |
|----|--------------------------------------------------------------|-------|-------|--------|
|    | secara professional dan terancang                            |       |       |        |
| 6. | Murid melibatkan diri dalam proses pembelajaran secara aktif | 11.69 | 78.63 | +66.94 |

*Sumber: Lapangan, 2019*

Dalam SKPMg2, terdapat 6 standard kualiti yang diukur terhadap pelaksanaan pdp guru di dalam bilik darjah. Bagi standard kualiti yang pertama iaitu merancang pelaksanaan Pdp secara professional dan sistematik, skor sebelum intervensi yang dicapai oleh guru ialah 62.5 %. Selepas intervensi dan bimbingan yang telah diberikan oleh pengkaji, skor yang diperoleh guru semakin meningkat iaitu menjadi 87.44 % iaitu peningkatan sebanyak 24.94 %.

Bagi standard kualiti yang kedua iaitu mengawal proses pembelajaran secara professional dan terancang sebelum intervensi skor yang dicapai ialah 56.31 % sementara selepas intervensi skor yang dicapai ialah 93.81 %. Ini menunjukkan peningkatan sebanyak 37.50 %. Seterusnya bagi standard kualiti yang ketiga iaitu pembimbing secara professional dan terancang skor yang diperoleh subjek kajian ialah 67.19%. Selepas intervensi meningkat sebanyak 14.06% menjadi 81.25%.

Standard kualiti yang keempat ialah mendorong murid secara profesional dan terancang. Skor yang diperoleh sebelum intervensi ialah 70.00% berubah kepada 88.75% iaitu pertambahan sebanyak 18.75%. Sementara itu bagi standard kualiti yang kelima peserta kajian mencapai skor 49.19% sebelum intervensi dan 83.88% selepas intervensi iaitu pertambahan skor sebanyak 34.69%. Akhir sekali standard kualiti keenam iaitu murid melibatkan diri dalam proses pembelajaran secara aktif skor yang diperoleh peserta kajian ialah 11.69% sebelum intervensi dan selepas intervensi skor yang diperoleh ialah 78.63% dengan pertambahan yang paling tinggi iaitu 66.94%.

Berdasarkan data SKPMg2 yang diperoleh oleh sampel kajian tindakan yang dilakukan terhadap seorang guru, menunjukkan PPT berupaya mengubah proses pdp kelas Peralihan kepada yang lebih baik. Setiap standard kualiti yang diukur dalam pdp sampel kajian menunjukkan peningkatan yang memberangsangkan.

*Objektif 3 Sejauh mana keberkesanan Pendekatan Pedagogi Terbeza dalam PdPc Bahasa Melayu Kelas Peralihan?*

| Item Pemerhatian            | Sebelum Tindakan Intervensi                                                                                                                             | Selepas Tindakan Intervensi                                                                                               |
|-----------------------------|---------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|---------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
| Keaktifan                   | • Tidak aktif                                                                                                                                           | • aktif                                                                                                                   |
| kurang memahami soalan guru | <ul style="list-style-type: none"> <li>• Kurang faham kehendak soalan</li> <li>• Guru terpaksa mengulang beberapa kali soalan-soalan latihan</li> </ul> | <ul style="list-style-type: none"> <li>• Faham kehendak soalan</li> <li>• Tidak perlu ulang soalan banyak kali</li> </ul> |
| keseronokan belajar         | <ul style="list-style-type: none"> <li>• Kurang minat</li> <li>• Bosan</li> <li>• Melakukan kerja lain</li> </ul>                                       | <ul style="list-style-type: none"> <li>• Menunjukkan minat</li> <li>• Memberi fokus kepada pdp guru</li> </ul>            |

*Sumber: Lapangan, 2019*

Berdasarkan pemerhatian pengkaji di dalam bilik darjah terhadap pengajaran dan pembelajaran, murid menunjukkan ciri-ciri yang negatif ketika guru mengajar. Murid kelihatan kurang aktif dalam aktiviti yang dilakukan oleh guru. Berbanding setelah intervensi terhadap guru, guru telah menggunakan pendekatan Pedagogi Terbeza yang menunjukkan perubahan kepada murid daripada pasif kepada aktif. Guru juga telah berjaya mengurangkan kurang faham murid terhadap soala-soalan yang dikemukakan oleh guru. Murid juga telah menunjukkan keseronokan dalam pengajaran dan pembelajaran yang dilaksanakan guru setelah intervensi dilakukan oleh pengkaji.

## **PERBINCANGAN**

Bagi menentukan kesahan hasil dapatan yang diperoleh salah satu proses yang telah pengkaji lakukan dalam kajian ini ialah proses triangulasi. Triangulasi dilaksanakan untuk menyemak ketepatan data yang telah diperoleh. Penyemakan data merupakan sebahagian daripada penyelidikan tindakan yang sangat penting bagi meningkatkan kredibiliti data kualitatif yang dikumpul serta menggambarkan situasi yang dikaji. Isu kebolehppercayaan dan kesahan dapat ditangani dengan adanya proses triangulasi ini (Lisah, 2011). Proses triangulasi merupakan perbincangan secara lebih jelas dan satu perbandingan hasil dapatan yang diperoleh.

Jadual 6 : Borang Matriks Proses Triangulasi Kaedah Sebelum Tindakan Dilaksanakan

| <b>Soalan Kajian</b>                                                                              | <b>Soal selidik Guru (Tahap Penguasaan)</b> | <b>Analisis Dokumen Skor SKPMg2</b>                           | <b>Pemerhatianmurid dalam pdp</b>                      |
|---------------------------------------------------------------------------------------------------|---------------------------------------------|---------------------------------------------------------------|--------------------------------------------------------|
| 1. Sejauh mana guru-guru kelas peralihan faham tentang Pedagogi Terbeza?                          | Tahap penguasaan 0 hingga 2                 |                                                               | Murid kurang aktif, kurang memahami                    |
| 2. Sejauh mana Pedagogi Terbeza dapat membantu guru dalam SKPMG2 Standard 4 PdPc Kelas Peralihan? |                                             | Skor dicapai paling tinggi 70% dan paling rendah ialah 14.06% | soalan guru dan tidak menunjukkan keseronokan belajar. |

*Sumber: Lapangan, 2019*

Jadual 7 : Borang Matriks Proses Triangulasi Kaedah Selepas Tindakan Dilaksanakan

| <b>Soalan Kajian</b>                                                                              | <b>Soal selidik Guru (Tahap Penguasaan)</b> | <b>Analisis Dokumen Skor SKPMg2</b>                                                | <b>Pemerhatian murid dalam pdp</b>               |
|---------------------------------------------------------------------------------------------------|---------------------------------------------|------------------------------------------------------------------------------------|--------------------------------------------------|
| 1. Sejauh mana guru-guru kelas peralihan faham tentang Pedagogi Terbeza?                          | Tahap penguasaan 3 hingga 5                 |                                                                                    | Murid aktif melaksanakan aktiviti, memahami      |
| 2. Sejauh mana Pedagogi Terbeza dapat membantu guru dalam SKPMG2 Standard 4 PdPc Kelas Peralihan? |                                             | skor yang dicapai paling tinggi ialah 93.81 % dan skor paling rendah ialah 78.63%. | soalan guru dan menunjukkan keseronokan belajar. |

*Sumber: Lapangan, 2019*



Apabila dibandingkan secara triangulasi antara data sebelum dan selepas menggunakan tiga kaedah iaitu soal selidik, analisis dokumen SKPMg2 dan pemerhatian pdp memnunjukkan pendedahan dan intervensi kepada guru telah menghasilkan perbezaan dan pertambahan bagi ketiga-tiga kaedah kajian yang digunakan oleh pengkaji. Hal ini mengesahkan bahawa kajian ini telah membuktikan penggunaan PPT oleh guru berupaya menghasilkan pengajaran dan pembelajaran yang berkesan dalam kalangan murid yang berbeza latar belakang.

Berdasarkan data yang telah diperolehjuga membuktikan penggunaan pendekatan Pedagogi Terbeza (PPT) berjaya membawa perubahan kepada pengajaran dan pembelajaran yang dilakukan guru. Dapatan ini selari dengan kajian oleh Diana Lawrence-Brown (2004) mengatakan penentuan pendekatan dan strategi dan objektif yang berbeza mampu menghasilkan pengajaran dan pembelajaran yang berkesan di dalam bilik darjah. Murid akan dapat mencapai objektif yang disasarkan oleh guru terhadap murid yang berbeza latar belakang.

Justeru, kesimpulannya, kajian tindakan ini berjaya membuktikan bahawa pendekatan Pedagogi Terbeza (PPT) berupaya menyelesaikan masalah keciciran dalam kalangan murid kelas Peralihan. Objektif kewujudan kelas Peralihan juga akan tercapai jika PPT dapat dilebarkan pelaksanaannya dalam sistem persekolahan di Malaysia. Guru perlu diberi pendedahan yang jelas dan meluas kepentingan pelaksanaan PPT ini supaya dapat dilaksanakan dengan baik. Berdasarkan dapatan dan rumusan berikut ialah beberapa cadangan kajian lanjut yang boleh dilakukan seterusnya iaitu

- a. Kajian boleh dilaksanakan terhadap pelaksanaan Pendekatan Pedagogi Terbeza kepada murid yang berbeza pencapaian seperti murid yang mempunyai ciri keciciran.
- b. Kajian perbandingan terhadap penggunaan pendekatan Pedagogi Terbeza dalam mata pelajaran yang lain.
- c. Kajian perbandingan keberkesanan pelaksanaan Pendekatan Pedagogi Terbeza terhadap kelompok berbeza iaitu yang menggunakan amalan tradisional dengan pendekatan Pedagogi Terbeza .



## RUJUKAN

- Diana Lawrence-Brown. (2004). Differentiated instruction: inclusive strategies for standards-based learning that benefit the whole class. *American secondary education* 32(3) summer 2004: St. Bonaventure University, St Bonaventure, NY
- Khairul Yusri. (2007). *Pelan Induk Pendidikan (PIPP)*, Kementerian Pelajaran Malaysia, Malaysia.
- Morgan, H. (2013.) Maximizing Student Success with Differentiated Learning. The Clearing House: A *Journal of education Strategies, Issue and Idea*. Vol 87, 2013 – Issue 1. <https://doi.org/10.1080/00098655.2013.832130>
- Najiba Abdullah Meyad, Samsilah Roslan, Maria Chong Abdullah dan Pabiyah Maming (2014). The effect of differentiated learning method in teaching arabic language on students' motivation. *Journal of Social Sciences Research* . Vol 5. Serdang, Selangor: UPM. DOI: 10.24297/jssr.v5i1.6651
- Ober, J. (2006). Research on Differentiated Instruction Conference Paper (PDF Available) November 2016 with 8,357 Reads Conference: College Reading and Learning Association 49th Annual Conference, At Louisville, TN
- Taylor, P.C. & Wallace. (2007). *Contemporary qualitative research: Exemplar for science and mathematics and technology educators*. Dimuat turun pada 9 Ogos 2019 dari [https://www.academia.edu/7418995/MultiParadigmatic Transformative Research as f or Teacher Education An Integral Perspective](https://www.academia.edu/7418995/MultiParadigmatic_Transformative_Research_as_f_or_Teacher_Education_An_Integral_Perspective)
- Tomlinson, Carol. A (1999). *The differentiated classroom : Responding to the needs all learner*. Virginia USA : ASCD
- Watts-Taffe, S., Laster, B., Broach, L., Marinak, B., Conner, C., & Walker-Dalhouse, D. (2012, December/2013, January). Differentiated Instruction: Making Informed Teacher Decisions. *The Reading Teacher*, 66(4), 303-314. DOI: 10.1002/TRTR.01126View/save citation Cited by: 8 articles
- Zambri Mahamad, Ruslin Amir dan Mohamed Amin Embi. (2015). *Kepelbagaian pelajar dan perbezaan pembelajaran*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Pustaka.

## Sumber Internet

<https://resourced.prometheanworld.com/differentiation-classroom-engaging-different-learners/>